



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI JUMAAT

26 Syawal 1443 / 27 Mei 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Khamis, 25 Syawal 1443 bersamaan dengan 26 Mei 2022, sebanyak 191 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 34,265 dos iaitu 79.8% bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak 1,061 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun

yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 19,114 dos iaitu 44.5%.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin ialah **70.2%**.

3. Hari ini, Jumaat, 26 Syawal 1443 bersamaan dengan 27 Mei 2022, sebanyak **174 kes baru** telah dilaporkan iaitu 173 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 271 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam

setakat ini ialah **147,667** kes. Statistik harian *COVID-19* yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*) dan **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **222 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **145,916 kes**.
- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,528 kes** iaitu 3 kes sedang dirawat di hospital

manakala 1,525 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

4. Semoga kita semua sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan diberikan kesihatan agar dapat menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam norma baru seperti sedia kala. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Syawal 1443 / 27 Mei 2022